

SOALAN NO. : 18

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 17 NOV 2016 (KHAMIS)

NO. RUJUKAN : DR27

SOALAN:

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa Kementerian sanggup membiayai kos penambakan di Pantai Teluk Muroh hingga mencecah RM64 juta meskipun mendapat tentangan/ bantahan daripada penduduk dan nelayan tempatan kerana ia menjejaskan sistem eko dan kesejahteraan kehidupan mereka

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian suka menjelaskan di sini bahawa Projek Penambakan Pantai Teluk Muroh adalah projek di bawah pembiayaan dan kawal selia sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Perak.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak melalui kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri telah melantik perunding perancangan dan rekabentuk pembangunan. Kos projek berjumlah RM63.46 juta sejak tahun 2013 lagi melibatkan kerja penebusgunaan tanah di kawasan pantai seluas 17 hektar dan pembinaan 145 buah unit rumah berserta dengan kemudahan awam.

Projek tebusgunaan tanah pantai ini tidak termasuk di dalam aktiviti yang dikenakan penilaian EIA memandangkan saiz tebusgunaan tanah yang dibuat adalah seluas 17 hektar sahaja. Mengikut keperluan EIA yang dikeluarkan oleh JAS yang dikuatkuasakan sejak 1 April 1988 saiz penebusan tanah pantai yang dikenakan penyediaan Laporan EIA adalah yang bersaiz melebihi 50 hektar. Manakala Perintah Kualiti Alam Sekeliling 2015 yang dikuatkuasakan pada 5 Ogos 2015 tidak terpakai kerana projek ini telah dilaksanakan sebelum penguatkuasaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling berkenaan.

Di samping itu, dalam usaha kerajaan Negeri menjaga kebajikan para nelayan pantai yang menghadapi kesulitan untuk mendaratkan bot-bot mereka semasa kerja-kerja tebusgunaan tanah sedang berjalan, maka satu jeti

sementara dibina bagi tujuan mengurangkan masalah para nelayan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI
TARIKH : 17.11.2016
SOALAN : NO. 19

Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah penubuhan Universiti Penyelidikan mampu meningkatkan mutu serta tahap pendidikan tinggi di negara ini serta apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh universiti penyelidikan ini sejak ia ditubuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Universiti Penyelidikan [Research University (RU)] adalah bertujuan untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah 'knowledge economy' berteraskan penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi (RD&C) serta penghasilan modal intelektual. RU merupakan jentera pembangunan negara untuk menyediakan asas kerjasama strategik di kalangan akademia, kerajaan, industri dan komuniti berteraskan konsep *quadruple helix* dalam penerokaan ilmu melalui pengkomersilan dan penjanaaan kekayaan ke arah *University-Led Economic Growth*. RU juga menghasilkan intelek berinovasi dan berpengetahuan baharu yang mempunyai daya saing komersil dan keusahawanan dalam pelbagai disiplin termasuk yang menyokong pembangunan ekonomi negara.

RU telah berjaya meningkatkan kedudukan di dalam ranking antarabangsa seperti di dalam *QS World University Rankings (QSWUR)* dan *QS Ranking University: Asia*. Berdasarkan QSWUR 2016, Universiti Malaya (UM) berada di kedudukan ke-133 terbaik dunia berbanding kedudukan ke-146 pada tahun 2015. Universiti Putra Malaysia (UPM) juga meningkat di kedudukan ke-270 dari 331, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke- 288 dari 303 dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-302 dari 312 pada tahun 2015. Manakala, dalam *QS University Rankings: Asia 2016*, UM berada di kedudukan ke-27 dan UPM ke-49, USM ke-51, UKM ke-55 dan UTM ke-63. Semua RU telah berjaya tersenarai dalam kedudukan 1% tertinggi di dunia.

Selain itu, RU memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan penghasilan penyelidikan negara dalam tempoh 2005 hingga 2015, di mana Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 594% berbanding negara lain seperti Singapura (92%), Korea Selatan (108%), Republik Rakyat China (256%), Amerika Syarikat (34%) dan Kesatuan Eropah (46%) (Thomson Reuters. Web of Science: 2015).

RU juga telah melahirkan penyelidik bertaraf dunia berdasarkan laporan '*The World's Most Influential Scientific Minds; 2014 & 2015*' terbitan Thomson Reuters, New York, Amerika Syarikat dengan menamakan 6 orang ahli akademik dari UM, UKM dan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai di antara '*the best and the brightest scientific minds*'. Dua 2 RU turut tersenarai dalam *Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities* pada 31 Ogos 2016 iaitu UPM di kedudukan ke-73 dan dan UM ke-75. Anugerah ini diberikan kepada institusi pendidikan yang memajukan sains, mencipta teknologi baru dan memacu ekonomi global dalam aspek kertas kerja akademik, paten dan mengkomersilkan penemuan.

Hasil-hasil kajian penyelidikan daripada RU ini juga memberi manfaat kepada kepentingan rakyat, antaranya ialah:

- a) UPM berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi sebanyak 2 tan per hektar pada setiap musim;
- b) UPM telah menghasilkan Cosmo-Balls yang merawat pencemaran kimia di dalam air;
- c) UM telah mengeluarkan bionik prostetik seperti kaki palsu bagi menggantikan anggota badan; dan
- d) UTM dan UM telah menghasilkan membran tapisan air yang bersih dan "Shallow Tube Well On Ground Water System" yang telah digunakan oleh komuniti di Kelantan, Sarawak dan Sabah. Sistem ini juga telah menghasilkan 5,000 liter air per jam dan dinikmati oleh 10,000 orang penduduk di Ranau, Sabah.

Pencapaian membanggakan oleh RU ini adalah hasil usaha gigih, komitmen dan dedikasi berterusan oleh semua pensyarah, penyelidik dan komuniti pendidikan tinggi.